

10 juta penutup hidung, mulut dalam seminggu

MELAKA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjangkakan sebanyak 10 juta penutup hidung dan mulut akan mula dibekalkan pengeluar dalam tempoh seminggu bagi memenuhi permintaan pengguna susulan penularan jangkitan koronavirus (Covid-19).

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, pengeluaran penutup hidung dan mulut itu selaras dengan jaminan kerajaan kepada pengeluar terhadap permintaan mereka bagi membantu meningkatkan jumlah pengeluaran daripada biasa ekoran permintaan yang tinggi dan stok di pasaran terjeas.

HARI : SABTU
TARIKH : 22/2/2020
M/SURAT : 14

"Pihak KPDNHEP telah mengadakan pertemuan dengan pengeluar penutup hidung dan mulut di negara ini bagi mengetahui keupayaan mereka membekalkan produk itu dalam tempoh terdekat.

"Antara kekangan yang dihadapi adalah pekerja, peraturan melibatkan syif dan pengecualian cukai bagi bahan mentah yang diperoleh dari luar.

"Jadi, saya beri jaminan kepada mereka bahawa kerajaan akan penuhi permintaan mereka dan kita telah berbincang dengan kementerian berkaitan agar industri dapat mempercepatkan pengeluaran penutup hidung dan mulut," katanya.

- Bernama